BULETIN

FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

EDISI II 2026



HUBUNGI KAMI :

fpnuitmn9s3

https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3

Bahasa Arab di Pentas Global: Penyertaan Pelajar UiTM Kampus Seremban dalam Modern Language Olympiad 3.0

Mohd Islah Mohd Yusof[1], Norshida Hashim[2], Syahirah Almuddin[3], Mashitah Nordin[4] dan Kamaruzaman Zali@Ghazali[5]

[1,5] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban
[2,3] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah
[4] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Modern Language Olympiad (MLO) 3.0 merupakan satu pertandingan kompetensi bahasa peringkat antarabangsa anjuran UiTM Shah Alam. Program ini memerlukan peserta untuk menonjolkan bakat dan penguasaan bahasa mereka dalam pelbagai acara pertandingan. Penyertaan dalam program ini bukan sahaja telah melibatkan sekolah-sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari seluruh negara, malah turut disertai peserta-peserta dari negara luar seperti Vietnam dan Indonesia.

Di peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Akademi Pengajian Bahasa (APB) Kampus Seremban telah mengambil inisiatif untuk menghantar penyertaan pelajar dalam Program MLO 3.0 bagi tahun 2025. Penyertaan ini dilaksanakan dengan kerjasama Kelab Simfoni Melodi & Citra Tari (SIMECTRA) dan mendapat sokongan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) kampus tersebut. Usaha ini mencerminkan komitmen pihak kampus dalam menyediakan ruang pembelajaran yang lebih luas kepada pelajar, khususnya dalam memperkukuh penguasaan Bahasa Arab melalui pengalaman pertandingan yang bersifat kompetitif, kreatif dan berimpak. Sebanyak empat penyertaan telah disertai yang melibatkan penguasaan Bahasa Arab iaitu:

1) *Voices of Legacy*
2) Radio Drama
3) Deklamasi Puisi
4) Pidato & Orator

Daripada kesemua kategori yang disertai, seorang peserta telah berjaya melangkah ke Pusingan Akhir yang telah dilangsungkan di UiTM Shah Alam pada 15-17 Disember 2025. Finalis yang berjaya adalah daripada kategori *Voices of Legacy* (Bahasa Arab) iaitu saudara Aiman Danial bin Misran (AM120). Kejayaan yang telah dirangkul dengan keputusan Tempat Keempat dan Persembahan Terbaik dalam kategori Legasi Suara (Bahasa Arab). Pencapaian ini membuktikan kemampuan pelajar UiTM Kampus Seremban untuk bersaing dalam acara bahasa di peringkat antarabangsa, di samping menyerlahkan tahap penguasaan Bahasa Arab, keyakinan penyampaian dan kualiti persembahan yang memberangsangkan.

Selain pencapaian dalam kategori *Voices of Legacy*, penyertaan UiTM Kampus Seremban turut melibatkan beberapa pelajar lain dalam kategori Radio Drama, Deklamasi Puisi serta Pidato & Orator Bahasa Arab. Bagi kategori Radio Drama, peserta yang terlibat ialah Khairun Nisa' binti Ahmad Sazaly, Siti Sarah binti Ismail dan Noraini binti Mat Daud daripada Program AM238. Kategori Deklamasi Puisi pula diwakili oleh Haziq Irham bin Ahmad Nadzari, manakala kategori Pidato & Orator disertai oleh Amy Nur Ain binti Khairulanuar, kedua-duanya juga daripada Program AM238.

Persediaan peserta dilaksanakan melalui bimbingan pensyarah dan jurulatih yang terlibat, termasuk latihan vokal, penyediaan skrip, sebutan Bahasa Arab, intonasi serta teknik penyampaian. Proses ini memperlihatkan bahawa penyertaan dalam MLO 3.0 bukan sahaja tertumpu kepada pertandingan


semata-mata, tetapi turut menjadi ruang latihan bahasa yang praktikal. Melalui penglibatan ini, pelajar dapat membina keyakinan, memperkukuh kemahiran komunikasi dan mengaplikasikan pembelajaran Bahasa Arab dalam konteks yang lebih hidup dan mencabar.

Realitinya, penyertaan pelajar dalam aktiviti luar kelas ini khususnya Bahasa Arab seperti *Voices of Legacy*, Radio Drama, Deklamasi Puisi dan Pidato dan Orator memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan penguasaan bahasa serta pencapaian pembelajaran secara efektif. Aktiviti-aktiviti ini berasaskan pendekatan pembelajaran aktif (*active learning*) yang menekankan penglibatan kognitif, afektif dan psikomotor secara menyeluruh (Prince, 2004).

Aktiviti *Voices of Legacy* memberi ruang kepada pelajar untuk menghayati teks tokoh atau karya berunsur warisan bahasa Arab, sekali gus memperkukuh kefahaman kosa kata dan nilai budaya. Radio Drama pula merangsang kemahiran komunikasi lisan melalui latihan intonasi, sebutan (makhārij al-ḥurūf) dan ekspresi suara, yang membantu meningkatkan kefasihan serta keyakinan diri. Sementara itu, deklamasi puisi melatih pelajar memahami struktur bahasa, gaya retorik (balāghah) dan penghayatan makna secara mendalam. Aktiviti Pidato & Orator pula mengasah kemahiran berhujah, penyusunan idea dan pemikiran kritis dalam bahasa sasaran.

Berdasarkan teori konstruktivisme sosial (Vygotsky, 1978), interaksi dan kolaborasi dalam aktiviti-aktiviti ini membantu pelajar membina makna secara lebih bermakna melalui pengalaman autentik. Di samping itu, teori Self-Determination menekankan bahawa autonomi dan keterlibatan aktif meningkatkan motivasi intrinsik pelajar, seterusnya memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik (Deci & Ryan, 2000).





Seramai 6 orang pelajar telah menyertai empat kategori pertandingan Bahasa Arab, dengan 100% penglibatan aktif dalam semua acara. Daripada jumlah tersebut, 25% kategori berjaya mencapai peringkat akhir apabila *Legasi Suara (Bahasa Arab)* memperoleh Tempat Keempat serta Anugerah Persembahan Terbaik, manakala 75% kategori lain iaitu Radio Drama, Deklamasi Puisi dan Pidato & Orator berjaya melepasi penyertaan awal tetapi terhenti di peringkat saringan. Secara keseluruhan, pencapaian ini mencerminkan tahap kompetensi komunikasi bahasa Arab yang memberangsangkan serta memberi impak positif terhadap pembangunan keyakinan diri dan kemahiran retorik pelajar.

Kesimpulannya, penglibatan pelajar dalam aktiviti Bahasa Arab yang berbentuk persembahan dan komunikasi bukan sahaja meningkatkan kemahiran bertutur dan kefahaman bahasa secara kontekstual, malah menyumbang kepada kejayaan pembelajaran yang lebih efektif, berdaya saing dan berimpak jangka panjang.

Rujukan

Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry, 11*(4), 227–268.

Prince, M. (2004). Does active learning work? A review of the research. *Journal of Engineering Education, 93*(3), 223–231.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.

Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2017). *Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness*. Guilford Press.

Johnson, D. W., Johnson, R. T., & Smith, K. A. (2014). Cooperative learning: Improving university instruction by basing practice on validated theory. *Journal on Excellence in University Teaching, 25*(3–4), 85–118.

Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and methods in language teaching* (3rd ed.). Cambridge University Press.

Nation, I. S. P. (2013). *Learning vocabulary in another language* (2nd ed.). Cambridge University Press.